

MIC - MAHATHIR

1985

MELAKA, 20 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) MENGAJAI PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN MASING-MASING DAN MENGATASI MASALAH +GEJALA KEPADA MAHKAMAH+ DENGAN SEGERA.

BELIAU BERKATA PINDAAN PERLEMBAGAAN BAGI SEMUA PARTI KOMPONEN BN ADALAH PERLU BAGI MENGELAKKAN SEGALA PERSELISIHAN DALAM PARTI DIBAWA KEPADA MAHKAMAH DENGAN SEWENANG-WENANGNYA.

SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-33 MIC DI SINI, BELIAU BERKATA +KALAU HENDAK DITAKSIRKAN GESAAN INI ADA KAITANNYA DENGAN PILIHANRAYA UMUM, MAKA ITU PUN TIDAK ADA SALAHNYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PILIHANRAYA UMUM NANTI AKAN DIADAKAN SEBELUM APRIL 1987, IAITU TIDAK SAMPAI DUA TAHUN LAGI.

BELIAU BERKATA GESAAN ITU SEBENARNYA DIBUAT TERUTAMANYA BAGI MENJAGA PERPADUAN DAN KEUTUHAN BN. -- LAGI.

1252MST 20 07 85

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU PRESIDEN UMNO BERKATA PARTI JUGA AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU BAGI MEMBUAT PINDAAN PERLEMBAGAANNYA TETAPI INI TIDAK BERMAKNA PARTI-PARTI KOMPONEN YANG LAIN HARUS MENCONTOHI UMNO.

SEKIRANYA ADA PARTI KOMPONEN LAIN YANG MENGAMBIL LANGKAH SEDEMIKIAN, MEREKA MUNGKIN DAPAT BERSAMA-SAMA MENGAJAI CARA YANG SEBAIK-BAIKNYA UNTUK MEMBUAT PINDAAN ITU SUPAYA +GEJALA KEPADA MAHKAMAH+ DAPAT DIATASI.

BAGAIMANAPUN SESUATU KESALAHAN JENAYAH DALAM PARTI ATAU OLEH ANGGOTA PARTI TIDAK TERSELAMAT DARIPADA UNDANG-UNDANG BIASA, KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU LEBIH 700 ORANG PERWAKILAN MIC YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU, BAHAWA PERLEMBAGAAN PARTI PERLU MEMPERUNTUKKAN SALURAN-SALURAN TERTENTU AGAR SESEORANG ANGGOTA ATAU PEMIMPIN DI PERINGKAT BAWAHAN DAPAT MENGEMUKAKAN BANTAHAN ATAU KEMUSYKILAN.

+JANGANLAH PINDAAN PERLEMBAGAAN YANG MENCEGAHI ANGGOTA-ANGGOTA PARTI MEMBAWA PERSELISIHAN KEPADA MAHKAMAH ITU MENJADIKAN PARTI TERLALU KETAT SEHINGGA WUJUDNYA PEMIMPIN YANG TIDAK BOLEH DITEGUR ATAU DITENTANG,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1259MST 20 07 85

MIC - MAHATHIR 3 MELAKA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA JUGA BANTAHAN ATAU KEMUSYKILAN PARTI PERLU DISELESAIKAN DALAM PARTI MENGIKUT SEMANGAT BERPARTI, BEKERJASAMA DAN BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN BANGSA DAN NEGARA.

SEMASA MENYENTUHI POLITIK DUITAN YANG SEMAKIN BERLELUASA, BELIAU MENGGESA SETIAP PARTI KOMPONEN BN AGAR BERWASPADA DAN BERUSAHA AGAR DUIT TIDAK DIJADIKAN ALAT UNTUK MEMANCING PENGARUH ATAU KEDUDUKAN.

+WALAUPUN DUIT PENTING DALAM MENGURUSKAN PARTI, TETAPI JIKA DIGUNAKAN BAGI TUJUAN PEMILIHAN PARA PEMIMPIN, HAL INI AKAN MENGIKIS KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN RAKYAT,+ KATANYA.

MENGENAI BERITA-BERITA PALSU YANG SENGAJA DIADA-ADAKAN MENGENAI PASARAN SAHAM DAN SEKTOR KEWANGAN NEGARA, BELIAU MENASIHATI RAKYAT AGAR BERSIKAP RASIONAL DAN MENELITI BERITA SEUMPAMA ITU.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA PERASMIAN ITU IALAH KETUA MENTERI MELAKA DATUK SERI RAHIM TAMBY CHIK DAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN.